



Tak cukup duit. Tak ada masa. Harga buku mahal? Bosanlah asyik tengok teks. Nampak skema sebab asyik membaca. Pelbagai alasan dilontarkan bagi mereka yang 'tak kenal maka tak cinta' terhadap hobi membaca.

Mungkin asakan membaca pada zaman persekolahan menimbulkan rasa muak untuk kembali memegang buku. Seolah-olah ada yang mengangap hidup aman apabila keluar zaman belajar dan tanpa perlu membaca.

Bagi ulat buku dan pencinta ilmu, membaca sudah menjadi darah daging mereka. Pantang nampak buku, pasti dibelek dan selak sana-sini. Jika kena dengan jiwanya, terus melekat dengan buku sehingga ke muka surat akhir, baru sedar dunia sebenarnya.

Untuk kedua-dua golongan mencari cinta dan mencurah rasa dalam dunia pembacaan, BookXcess yang terletak di Amcorp Mall, Petaling Jaya mungkin boleh mengubah persepsi mereka. Langkah pertama menjejak gedung buku itu, mungkin suasananya sama seperti kedai lain.

Namun jika dilihat lebih dekat, himpunan buku dari luar negara itu dijual dengan harga jauh lebih murah daripada pasaran biasa. Untuk berkongsi rahsia, pemiliknya, Andrew Yap menjelaskan lebih lanjut.

**BELI SECARA LANGSUNG**

Andrew berkata, pembukaan BookXcess pada November 2006 bertujuan memberi laluan kepada orang ramai untuk

mendapatkan harga istimewa yang sukar didapati di mana-mana kedai. Ini kerana stok buku itu diperolehi secara langsung dari syarikat besar di luar negara



Andrew dan Jacqueline

# Harga diskaun tarikan pencinta buku

Potongan harga sehingga 80 peratus membuatkan pelanggan rasa berbaloi dengan wang yang dilaburkan

seperti Australia, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Canada.

"Saya dan isteri, Jacqueline Ng, berusaha mendapatkan buku lebih stok yang dibeli terus di luar negara dan ini menyebabkan kami boleh menawarkan harga potongan antara 50 hingga 80 peratus.

"Hasrat kami untuk menggalakkan lebih ramai rakyat di negara ini berpeluang untuk mendapatkan lebih kuantiti dan kualiti buku dengan harga rendah. Dengan itu budaya membaca dapat diterapkan khususnya bagi golongan muda," katanya.

Beliau turut menyatakan bahawa kewujudan BookXcess itu turut membuka laluan pembaca mendapatkan bahan bacaan dalam bahasa Inggeris dalam pelbagai genre. Secara langsung, ia dapat membantu untuk meningkatkan kemahiran bahasa tersebut dalam masyarakat di negara ini.

**TERIMA ANUGERAH**

Jacqueline yang juga menganggap dirinya kaki buku, berkata, "Minat membaca boleh dipupuk dengan pelbagai cara. Salah satu caranya dengan memberi hadiah kepada ahli keluarga, rakan dan kenalan.

"Pemberian buku begitu bernilai, apatah lagi jika genre bahan bacaan tersebut berketepatan dengan cita rasa penerima. Contohnya, buku masakan untuk tukang masak dan buku permotoran untuk mereka yang fanatik mengenai permotoran.

Baru-baru ini, BookXcess telah menerima Anugerah Kedai Harga Patut bagi kategori buku dan majalah, anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) pada Majlis Anugerah Kedai Harga Patut 2011 di

Dewan Serbaguna, KPDNKK di sini, baru-baru ini. Ini merupakan anugerah kedua selepas menerimanya pada tahun lalu.

Jacqueline memberitahu BookXcess juga dikenali sebagai "bargain shop" tetapi mempunyai keistimewaan tersendiri iaitu menawarkan kad keahlian, pembungkusan hadiah, khidmat pelanggan dan ditempatkan dalam premis yang luas, selesa dan eksklusif.

"Pada masa ini, kami mengekalkan operasi BookXcess pada satu tempat iaitu di Amcorp Mall, memandangkan pendekatan kami kepada pelanggan agak berbeza jika dibandingkan kedai buku lain.

"Kami yang juga sebagai pelanggan memahami apa yang dikehendaki mereka. Jadi kami mahukan pelanggan mendapat kepuasan dalam melaburkan wang mereka."

**LANGKAH BERANI**

Pada 7 hingga 10 Oktober ini, BookXcess bakal mengadakan jualan buku terbesar di dunia, sebanyak 1.5 juta unit dengan harga diskaun antara 75 peratus hingga 95 peratus. Pesta jualan tersebut diadakan sempena Malaysia Agro Exposition Park (MAEPS) 2011 dipercayai bakal menarik ribuan pengunjung untuk menyelongkar khazanah ilmu di tapak seluas 90,000 kaki persegi.

Andrew berkata pihaknya mengalu-alukan kedatangan pengunjung ke tapak jualan yang dibuka dari jam 10 pagi hingga 9 malam setiap tanpa dikenakan bayaran masuk.

"Kami sengaja memberi ruang dan luang waktu yang panjang kepada orang ramai supaya tiada lagi alasan 'sibuk' bekerja dibenarkan untuk berkunjung ke tempat kami.

"Mereka boleh datang bersama



Harga buku bawah RM 10.

keluarga dan rakan untuk memilih buku yang digemari di kawasan yang luas dan berhawa dingin. Kami mengambil khidmat 300 pekerja dan membuka 30 kaunter untuk memberi kemudahan pelanggan," katanya.

Menurut Andrew, pihak BookXcess turut mendapat kerjasama dengan syarikat bank, OCBC Bank yang menawarkan potongan harga buku sebanyak lima peratus bagi pengguna kad kredit bank tersebut.

"Kami melakukan usaha pengumpulan buku tersebut sejak empat bulan lalu. Pihak syarikat buku yang kami temui di luar negara tidak menyangka bahawa rakyat Malaysia mempunyai kemahiran bahasa Inggeris yang baik, apabila kami membeli jumlah buku yang banyak bagi merealisasikan hasrat jualan 1.5 juta buku itu."

Bagaimanapun, beliau akui dengan mengadakan jualan buku terbesar dengan tawaran diskaun tertinggi itu dianggap mengambil risiko. Baginya apa yang penting adalah volum jaluannya. Atas dasar semangat dan niat yang ikhlas untuk memberi kesedaran masyarakat terhadap budaya membaca, maka pasangan tersebut mengambil langkah berani untuk melakukan aktiviti "The Biggest Book Sale In The World".



Andrew bersama warga BookXcess